

09 NOV 2001

Najib-Sumbangan

SUMBANGAN PERIBADI PM DAN ISTERI UNTUK RAKYAT AFGHANISTAN

PEKAN, 9 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali turut menghulurkan sumbangan peribadi mereka bagi membantu pelarian Afghanistan.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata sumbangan itu yang dimuatkan ke dalam empat buah kotak, merupakan sebahagian daripada 461 tan pakaian, makanan dan ubat-ubatan yang dihantar melalui kapal KD Mahawangsa.

"Saya menerima panggilan telefon daripada Datin Seri pukul 7 pagi tadi yang meminta supaya dihantar lori untuk mengambil kotak-kotak itu. Ia merupakan hadiah istimewa kepada pelarian Afghanistan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan sara hidup kepada pekebun kecil getah di sini.

Kapal Tentera Laut Diraja Malaysia, KD Mahawangsa itu memulakan pelayaran dari Pelabuhan Kelang tengah hari ini dan dijangka tiba di Karachi, Pakistan pada 19 Nov ini.

Pada majlis itu, Najib yang juga Anggota Parlimen Pekan menyampaikan bantuan sara hidup Risda kepada 120 pekebun kecil getah di Kampung Paloh Hinai di sini yang dihimpit kemiskinan berikutan kejatuhan harga getah dan sawit.

Sejumlah RM117,000 diagihkan pada majlis itu dengan setiap keluarga akan menerima antara RM600 dan RM1,000, bergantung kepada jumlah anak.

Najib berkata usaha kerajaan untuk memerangi kemiskinan yang bermula sejak 1970 menerusi Dasar Ekonomi Baru berjaya menurunkan jumlah rakyat yang miskin di negara ini daripada 58 peratus pada tahun 1970 kepada 12.8 peratus pada tahun 1999.

Bagaimanapun, katanya walaupun jumlah keluarga miskin di negara ini sudah berkurangan tetapi kerajaan masih tidak berpuas hati dan mengganggu kemiskinan sebagai musuh negara.

Beliau berkata kerajaan Barisan Nasional bukan hanya bercakap mengenai kemiskinan sahaja, sebaliknya berdepan dengan realiti kemiskinan itu sendiri untuk mencari penyelesaian dan pendekatan bagi membasmi kemiskinan sehingga ke peringkat akar umbi.

"Ada pihak yang mementingkan slogan, umpamanya Pembangunan Bersama Islam tetapi slogan seperti itu tidak ada erti sama sekali kerana Islam tidak akan maju kalau rakyat masih dalam belenggu kemiskinan," kata beliau.

-- BERNAMA

ROS RHM